

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**CERAMAH JIHAD EKONOMI MELALUI  
KOPERASI  
24 DISEMBER 2023 (AHAD)**

# **3 PETANG PEJABAT ASAS, ALOR SETAR, KEDAH**

---

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum

Wabarakatuh

Warahmatullahi

## **[SALUTASI RUJUK URUSETIA PROGRAM]**

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang memberi keizinan untuk kita bertemu pada petang yang berbahagia ini.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk memberikan ceramah ringkas bertajuk Jihad Ekonomi Melalui Koperasi.

3. Saya amat teruja untuk berkongsi dengan anda semua berkenaan sektor ini yang merupakan wadah kepada kebersamaan dalam memperbaiki taraf hidup rakyat serta menjana pertumbuhan ekonomi secara bertersuan untuk negara. Kerajaan juga mengiktiraf koperasi

sebagai mesin ketiga penggerak ekonomi selain daripada sektor kerajaan dan juga swasta. Jadi saya berharap perkongsian ini dapat membuka mata tuan-tuan dan puan akan manfaat kita semua berkoperasi.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

**4.** Gerakan koperasi telah bermula di Tanah Melayu bermula pada tahun 1922 di mana koperasi pertama secara rasmi diwujudkan pada tahun tersebut. Pada waktu itu koperasi diperkenalkan bagi membantu golongan petani yang

ditindas oleh orang tengah dan masalah keberhutangan yang agak tinggi.

5. Tahun demi tahun peranan koperasi terus berkembang dengan menumpukan kepada perniagaan dan aktiviti yang mendorong kepada



pertumbuhan ekonomi dan memenuhi keperluan anggotanya dari pelbagai sudut. Semua ini dilakukan secara musyawarah atau dalam bahasa mudahnya secara bersama.

6. Apa yang menarik gerakan koperasi engara telah melalui pelbagai fasa krisis,

seperti contoh kemelesatan ekonomi yang berlaku setiap beberapa tahun, perang dunia kedua dan terbaru krisis kesehatan COVID-19. Namun jika dilihat kepada pencapaian tahun demi tahun, perolehan terus menunjukkan peningkatan dan ini bermakna platform koperasi adalah wadah yang ampuh

kekal relevan menempuhi cabaran sepanjang zaman.

7. Penubuhan sesebuah koperasi sahaja dapat menyumbang manfaat kepada anggotanya malah limpahannya turut dirasakan oleh masyarakat di negara ini. Platform koperasi dijadikan pusat

penjanaan sosiekonomi seperti mewujudkan peluang pekerjaan, pendidikan keusahawanan serta penyediaan produk dan perkhidmatan berkualiti kepada anggota

8. Untuk makluman sehingga Jun 2023, terdapat 15556 buah koperasi di seluruh

negara, dengan keanggotaan sebanyak 7.3 juta individu, syer/yuran sebanyak RM17.47 Bilion, aset sebanyak RM161.96 Bilion dan perolehan sehingga Disember 2022 sebanyak RM45.5 Bilion. Angka ini adalah mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

9. Di Malaysia kita bertuah kerana mempunyai kementerian yang menjaga portfolio koperasi iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Kemudian ada tiga agensi dan badan yang

bertanggungjawab terhadap kawal selia, pendidikan dan pemerkasaan gerakan koperasi iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

10. ANGKASA merupakan badan puncak yang diiftiraf oleh kerajaan dan diberi tanggungjawab untuk menyatukan gerakan koperasi, mewakili gerakan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa, serta merangsang perniagaan gerakan koperasi agar dapat memberi manfaat berterusan



kepada anggota serta masyarakat secara umumnya.

11. Ramai yang mengenali ANGKASA sebagai institusi potong gaji namun sebenarnya peranan ANGKASA ini kita hendak memastikan koperasi di negara ini terus berdaya maju melalui

keterlibatan mereka dalam sektor berimpak tinggi dan industri utama negara. Untuk itu ANGKASA merangka dan mengimplemantasikan strategi perniagaan serta kerjasama bagi memaksimumkan penglibatan koperasi dalam landskap ekonomi masa kini.

12. Seperti contoh ANGKASA membangunkan beberapa projek inkubasi seperti penternakan lembu tenusu di mana ANGKASA memulakan projek ini dengan kerjasama dengan koperasi puncak Korea Selatan iaitu National Agricultural Cooperative Federation (NACF) bagi teknologi

mewujudkan lembu tenusu yang mampu memberi hasil tenusu lebih banyak berbanding apa yang dihasilkan pada ketika ini.

13. Usaha ini dibuat bagi mewujudkan jaringan koperasi yang dapat bersama dengan ANGKASA untuk meneruskan

projek sebegini yang mampu untuk memberi perolehan yang lebih berdaya saing sekaligus membantu kerajaan dalam isu keterjaminan makanan.

14. Antara perkara lain yang turut diberi fokus oleh ANGKASA termasuk Projek Barang Asas 100 (BA100), program

pembekalan dan peruncitan koperasi secara dalam talian, program pembekalan barangan kesihatan melalui jaringan COOPFARMASI, COOPUMRAH dan lain – lain. Tujuannya supaya kita mampu untuk membentuk satu ekosistem yang perniagaan dipelopori oleh koperasi dalam

pelbagai industri dan dapat bersaing secara sihat dalam landskap ekonomi.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

15. Jihad ekonomi bukanlah bermaksud kita berperang dengan senjata, ianya perjuangan dengan penuh komitmen

dalam membangun kesejahteraan umat khususnya dalam perihal ekonomi. Seperti tajuknya pada hari ini, salah satu platform paling berkesan untuk kita gerakkan jihad ekonomi sudah semestinya melalui koperasi.



16. Jika melihat di peringkat global, 12% penduduk adalah merupakan ahli koperasi dari 3 juta buah koperasi yang wujud di seluruh dunia. 10 peratus peluang pekerjaan di dunia adalah nisbah kepada keseluruhan pekerjaan yang wujud dan 300 buah koperasi terbesar dunia menyumbang perolehan

sebanyak 2.146 bilion USD. Jadi boleh disimpulkan sektor koperasi jika digembeling secara betul pastinya akan memberi sumbangan signifikan kepada ekonomi negara.

17. Antara peranan terpenting koperasi sebagai wadah perjuangan ekonomi adalah platform soladiriti dan kebersamaan, kerana prinsip dan jati diri koperasi ini menjurus kepada usaha secara bersama dalam mencapai matlamat keutuhan dan kesejahteraan sosiekonomi untuk semua.

18. Jihad ekonomi melalui koperasi mencerminkan prinsip keadilan dan kesetaraan dalam pengagihan kekayaan. Setiap anggota memiliki hak yang sama untuk mendapat manfaat dari setiap keuntungan yang dibuat oleh koperasi. Bukan itu sahaja koperasi turut mempunyai tanggungjawab sosial

membantu ahli mereka yang kurang berkemampuan atau ditimpa musibah melalui sumbangan tabung yang boleh diwujudkan oleh pihak koperasi sendiri.

19. Kebersamaan dalam koperasi juga amat membantu dalam usaha diversifikasi dalam pembangunan

perniagaan koperasi. Semestinya kepimpinan dan ahli mempunyai kemahiran yang pelbagai dalam sektor tertentu dan ini akan membantu dalam kepelbagaian perniagaan sekaligus memastikan koperasi terus berdaya saing dalam pasaran terbuka.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

20. Salah satu strategi untuk meningkatkan jihad ekonomi dalam keusahawanan koperasi adalah melalui penubuhan Koperasi Kariah Masjid di masjid dan juga surau – surau di negara ini.. Masjid bukan sahaja dijadikan tempat untuk

beribadat dan menuntut ilmu agama malahan perlu diperluaskan peranannya menjadi platform utama pembangunan ekonomi ummah setempat dan masyarakat Islam secara keseluruhannya seperti yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w.



21. Penubuhan Koperasi Kariah Masjid ini bukan sahaja dapat menyumbang manfaat kepada anggota dan juga ahli kariahnya malah kepada komuniti setempat yang tinggal di kawasan tersebut. Platform Koperasi Kariah Masjid antara lain dapat dijadikan pusat penjanaian sosiekonomi seperti

mewujudkan peluang pekerjaan ,  
menawarkan khidmat asuhan kanak –  
kanak, menyediakan produk Halal dan  
ianya juga dapat mengimarahkan lagi  
Masjid melalui pelbagai aktiviti yang  
dijalankan.

**22.** Di peringkat ANGKASA juga kita secara agresif menjalankan usaha ke arah untuk menjalankan kerjasama dengan koperasi dari negara luar, menjadikan KKM sebagai hab halal serantau dan juga membentuk gabungan koperasi kariah masjid di seluruh dunia. Perancangan dan

implimentasi ini akan dibuat secara teliti bagi memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi kariah masjid dapat dipasarkan bukan sahaja di dalam negara malah diperluas di peringkat global.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

23. Saya kira sehingga ini sahaja perkongsian saya untuk hari ini. Harapan saya tuan-tuan dan puan-puan dapat mendapat sedikit pengetahuan apa pentingnya koperasi ini dan mengapa pembangunan koperasi diberi

penekanan oleh kerajaan dalam usaha pembasmian kemiskinan.

24. Semoga segala usaha kita dalam jihad ekonomi melalui koperasi diberkati oleh Allah Swt dan memantapkan lagi sumbangannya dalam membangunkan sosiekonomi warga Islam di negara ini.

Sekian terima kasih. Wabillahitaufik  
walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.